

19 OCT 2001

Belanjawan-Abdullah

PENIAGA DIINGAT JANGAN NAIKKAN HARGA BARANG DAN CAJ PERKHIDMATAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri mengingatkan para peniaga dan pembekal perkhidmatan supaya jangan menaikkan harga barangan dan caj perkhidmatan berikutan jangkaan pertambahan permintaan ekoran pemberian bonus kakitangan kerajaan tahun ini dan kenaikan gaji tahun depan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tindakan peruncit dan pembekal perkhidmatan itu hanya akan mewujudkan inflasi.

"Harap peruncit dan pembekal perkhidmatan tidak akan cuba cari keuntungan yang besar daripada situasi ini," katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan di Parlimen hari ini.

Beliau mahukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna mempertingkatkan pengawasan harga barangan dan caj perkhidmatan.

Dr Mahathir semasa membentangkan belanjawan itu mengumumkan mengenai cadangan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus tahun depan dan pemberian bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 bagi tahun ini.

Sementara beberapa skim perkhidmatan yang lain seperti pegawai perubatan, angkatan tentera, polis dan pertahanan awam akan menerima kenaikan dari segi elaun dan saguhati.

Abdullah berkata belanjawan kali ini ialah "Belanjawan Dr Mahathir" memandangkan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan terlibat secara langsung dalam penyediaannya sejak di peringkat awal mengetuai sesi dialog dengan pihak swasta dan sebagainya.

Beliau berkata Belanjawan 2002 memerlukan sokongan dan komitmen rakyat dalam usaha kerajaan memperkukuhkan dan menjana ekonomi negara dalam menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

"Tanpa komitmen daripada rakyat untuk menjayakan segala rancangan yang telah diberi bantuan insentif, tentu matlamatnya tidak tercapai. Jika matlamat tidak dicapai maka harapan untuk kukuhkan ekonomi kita tidak tercapai.

"Apa yang penting ialah belanjawan ini pragmatik dan boleh dilaksanakan sepenuhnya dan saya tidak fikir ia menghendaki sebarang penyesuaian yang sukar untuk dilakukan," katanya.

-- BERNAMA

HK RON